

***GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN  
KELULUSAN  
PELAN LANDSKAP***

Jabatan Landskap  
**Majlis Daerah Sabak Bernam**

## GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN LANDSKAP

### 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan adalah bertujuan sebagai:-

- 1.1 Rujukan kepada semua pihak yang terlibat bagi memudahkan proses permohonan kelulusan pelan landskap diperingkat Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Majlis Daerah Sabak Bernam.
- 1.2 Memudahkan bagi pihak jabatan untuk memproses pelan-pelan landskap mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan mematuhi semua syarat-syarat yang terkandung dalam garis panduan landskap bagi menjamin keberkesanananya selepas pelaksanaan.

### 2.0 JUSTIFIKASI KEPERLUAN KELULUSAN PELAN LANDSKAP

- 2.1 Bertujuan untuk mengawal projek-projek landskap yang akan dilaksanakan oleh pihak Majlis Daerah.
- 2.2 Pelaksanaan projek projek akan dapat dipercepatkan selaras dengan pembangunan yang dilaksanakan, terutama yang melibatkan pembinaan taman permainan kanak-kanak dan gelanggang rekreasi.
- 2.3 Pelan-pelan landskap yang dihantar untuk proses juga dapat memastikan arahan-arahan kerajaan sepertimana yang terdapat dibuku garis panduan landskap telah dipatuhi dan diguna pakai sepenuhnya.
- 2.4 Dengan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak pemaju melalui permohonan kelulusan pelan-pelan landskap memudahkan lagi pihak Majlis untuk mengumpul maklumat-maklumat dan data-data projek penanaman pokok dan yang berkaitan dengan landskap.

### 3.0 PROSES MENGEMUKAKAN PELAN LANDSKAP

- 3.1 Memastikan permohonan pelan landskap perlulah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang @ KM Pembinaan @ Kelulusan Pelan Bangunan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan kelulusan pelan landskap.
- 3.2 Permohonan secara rasmi hendaklah dikemukakan kepada

Yang Di Pertua,  
Majlis Daerah Sabak Bernam  
45300 Sungai Besar,  
Selangor Darul Ehsan.

- 3.3 Semua jenis permohonan yang dikemukakan ke Urusetia OSC perlulah melengkapkan borang Senarai Semak Permohonan Kelulusan Pelan Landskap dan mematuhi segala syarat di dalamnya. Pemohon perlu menyertakan borang tersebut semasa membuat permohonan.
- 3.4 Borang senarai semak permohonan kelulusan pelan landskap boleh didapati di Majlis Daerah Sabak Bernam melalui Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Unit Pusat Setempat (OSC), dan boleh juga dimuat turun melalui laman web.
- 3.5 Hanya permohonan yang lengkap sebagaimana Senarai Semak Permohonan Kelulusan Pelan Landskap boleh diterima dan didaftarkan oleh urusetia OSC.
- 3.6 Bayaran bagi memproses pelan landskap perlu dijelaskan semasa mengemukakan dokumen permohonan yang lengkap di Kaunter Perbendaharaan. Pembayaran boleh dijelaskan dalam bentuk Tunai dan cek.
- 3.7 Setiap pemohon kelulusan pelan landskap akan dikenakan bayaran fee dengan kadar **1 ekar bersamaan dengan RM 100** untuk semua jenis pembangunan.

#### 4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN KELULUSAN PELAN LANDSKAP

##### 4.1 Pelan Landskap Dan Dokumen Sokongan Lain

- 4.1.1 Setiap permohonan hendaklah disertakan tiga ( 3 ) salinan pelan landskap ( 2 kertas + 1 linen ) dan dua ( 2 ) set bersaiz A3 yang lengkap, berwarna, bercop dan telah ditandatangani oleh Arkitek Landskap yang bertauliah dan pihak Pemaju / Pihak Pemilik.
- 4.1.2 Sepuluh (10) salinan Pelan tapak / Pelan Induk landskap bersaiz A3 yang berwarna, bercop dan telah ditandatangani oleh Arkitek Landskap yang bertauliah dan pihak Pemaju / Pihak Pemilik.
- 4.1.3 Kesemua permohonan hendaklah dalam satu saiz sama ada A0 atau A1 dan dilipat dalam saiz A4.
- 4.1.4 Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan surat permohonan Kelulusan Pelan landskap daripada Perunding landskap yang bertauliah.
- 4.1.5 Satu salinan sijil pendaftaran Arkitek Landskap yang terkini dan berdaftar dengan ILAM (Institut Landskap Arkitek Malaysia).
- 4.1.6 Satu (1) salinan Surat Kelulusan Kebenaran Merancang dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Negeri Selangor atau dari Majlis daerah Sabak Bernam (MDSB).

- 4.1.7 Satu (1) salinan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Pra Hitungan (Pre Comp) yang berwarna dan telah diperakukan oleh Pengarah jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Negeri Selangor atau dari Majlis daerah Sabak Bernam (MDSB). (salinan fotokopi tidak diterima)
- 4.1.8 Dua (2) set salinan gambar pokok-pokok cadangan (*Hard copy*) lengkap dengan nama saintifik, nama botani pokok yang dicadangkan dan tajuk projek.
- 4.1.9 Dua (2) set salinan CD yang mempunyai format berbentuk:-
- A. *Autocad* yang merangkumi Pelan Induk Landskap, Pelan Landskap Lembut, Pelan Landskap Kejur, Lukisan Perincian Tanaman, Lukisan Perincian Landskap Kejur, Pelan Kawasan Lapang, lukisan keratan rentas dan lukisan pandangan sisi atau hadapan dan lain-lain pelan.
  - B. *Power Point* iaitu '*presentation*' yang merangkumi tajuk permohonan, pelan kunci, pelan lokasi, pelan landskap keseluruhan dan gambar pokok cadangan.

## 4.2 Pelan Induk Landskap

Perkara – perkara berikut hendaklah terkandung di dalam pelan tersebut:-

### 4.2.1 Pelan Lokasi

- a) Ditunjukkan di hujung kiri sudut atas pelan landskap dan boleh dibaca.
- b) Skala yang digunakan bersesuaian dengan lokasi.
- c) Lot yang dimajukan mestilah ditunjukkan dengan membuat sempadan garisan tebal yang terang dan diwarnakan.
- d) No. Lot perlu tertera dengan jelas.
- e) Setiap jalanraya, nama jalan yang menghubungkan lot yang dimajukan hendaklah ditunjukkan.
- f) Arah utara hendaklah ditunjukkan.

- 4.2.2 Pelan Kunci
- a) Boleh dibaca dan jelas.
  - b) Diletakkan bersebelahan dengan pelan lokasi .
  - c) Arah utara hendaklah ditunjukkan.
- 4.2.3 Skala pelan cadangan pembangunan landskap hendaklah tidak melebihi 1:1000 ( Skala yang disyorkan ialah 1:200, 1:250, 1:300, 1:400, 1:500, 1:750 dan 1:1000 )
- 4.2.4 Ditunjukkan garis sempadan kawasan pembangunan yang diwarnakan dengan garisan yang tebal.
- 4.2.5 Kotak tajuk kerja (*Title Block*)
- a) Ditunjukkan di sebelah kanan dan dibahagi dalam bentuk kotak dengan saiz minima 120 cm x 410 cm.
  - b) Arah Utara dan kiblat hendaklah ditunjukkan.
  - c) Ruang / kotak untuk kegunaan majlis perlu disediakan dengan saiz minima 120 cm x 120 cm untuk tujuan cop kelulusan.
  - d) Tajuk permohonan / Tajuk Projek hendaklah seperti berikut:-  
“ **PERMOHONAN KELULUSAN PELAN LANDSKAP**  
**BAGI**.....  
**UNTUK TETUAN** .....
  - e) Ruang / kotak nama pemilik / pemaju perlu telah ditandatangani oleh Pihak Pemaju / Pihak Pemilik yang bercop dan mempunyai maklumat nama pemilik tandatangan, jawatan, nama syarikat, Email, no telefon dan no fax.
  - f) Ruang / kotak nama Perunding Arkitek Landskap yang telah ditandatangani oleh Arkitek Landskap yang bertauliah perlu di cop dan lengkap dengan maklumat seperti nama syarikat, alamat, Email No telefon, No Fax, Cop nama Arkitek Landskap yang bertauliah beserta No Pendaftaran ILAM.
  - g) Menyediakan ruang / kotak yang mempunyai maklumat seperti tajuk lukisan, dilukis oleh, disemak oleh, di sahkan oleh, skala, no. lukisan, tarikh dilukis, helaian dan status lukisan.

4.2.6 Jadual penanaman

- a) Setiap spesis tanaman perlu menggunakan simbol dan warna ringkas yang berlainan
- b) Setiap jadual penanaman perlu ada simbol, nama saintifik / botani, nama biasa, ketinggian keseluruhan / ketinggian batang, jarak penanaman, kuantiti, diameter batang dan nota.

SIMBOL	NAMA BOTANI	NAMA BIASA	KETINGGIAN		JARAK PENANAMAN	DIAMETER BATANG	KUANTITI	NOTA
			KESELURUHAN	BATANG				

- c) Ukuran ketinggian keseluruhan bagi cadangan setiap kategori pokok:-
  - Pokok utama – 2000mm – 2500mm
  - Pokok palma – 3000mm - 3500mm
  - Pokok renek – minimum 200mm dan maksimum 1000mm
  - Pokok penutup bumi – 150mm
- d) Ukuran ketinggian batang bagi cadangan setiap kategori pokok:-
  - Pokok utama – 1800mm – 2000mm
  - Pokok palma berbatang tunggal – 1500mm -2000mm
  - Pokok palma berumpun / berkelompok – 750mm ( min 3 batang palma dalam satu rumpun )
- e) Ukuran diameter batang bagi cadangan setiap kategori pokok:-
  - Pokok utama minima 50mm – 75mm
  - Pokok palma berbatang tunggal minima 100mm
- f) Jarak penanaman adalah berbeza bergantung kepada spesis pokok yang dicadangkan dan fungsi atau kesan yang diperlukan dari penanaman pokok tersebut di dalam kawasan pembangunan. Disyorkan jarak minimum ialah 5000mm dan maksimum 10000mm.

## g) Penanaman rumput:-

- Kaedah hamparan / secara rapat (*'Close turfing'*) : hadapan rumah, kawasan lapang, kawasan bercerun dan kawasan hijau yang lain.
- Konsep semburan percambahan (*'Hydroseeding'*) : kawasan bercerun atau berbukit
- Penanaman rumput bagi kawasan lapang dan kawasan yang mempunyai komponen alat permainan kanak-kanak adalah dari spesies *Axonopus compressus* (Cow grass). Sekiranya kaedah penanaman ditanam secara ketulan / berkelompok (*'spot turfing'*) keadaannya mestilah menyeluruh dan sekata semasa lawatan pemeriksaan sokongan CF / CCC dijalankan.

**4.3 Pelan Landskap Kejur (*'Hardscape plan'*)**

- 4.3.1 Pelan yang menunjukkan kedudukan atau perletakkan komponen landskap kejur, perabot – perabot taman, komponen alat permainan kanak – kanak, gelanggang, komponen alat kesihatan, laluan pejalan kaki dan lain-lain.
- 4.3.2 Dilukis dengan skala tidak melebihi 1:1000 ( Skala yang disyorkan ialah 1:200, 1:250, 1:300, 1:400, 1:500, 1:750 dan 1:1000 )

**4.4 Pelan Keratan Rentas**

- 4.4.1 Lukisan keratan rentas yang menunjukkan cadangan lokasi pokok dan lain-lain kemudahan yang disediakan seperti lampu hiasan, kotak penanaman dan perabot – perabot landskap yang lain.
- 4.4.2 Menunjukkan level dan keadaan topografi kawasan tapan pembangunan.
- 4.4.3 Sekurang-kurangnya dua ( 2 ) keratan rentas perlu ditunjukkan dan disertakan juga lukisan pandangan hadapan dan pandangan sisi kawasan cadangan landskap.
- 4.4.4 Bagi setiap pelan pembesaran yang dikemukakan perlu disediakan lukisan keratan rentas.

#### 4.5 Pelan Butiran Terperinci Landskap Kejur

- 4.5.1 Menunjukkan lukisan-lukisan pembinaan bagi komponen landskap kejur, perabot – perabot taman, komponen alat permainan kanak – kanak, gelanggang, komponen alat kesihatan, laluan pejalan kaki dan lain-lain.
- 4.5.2 Dilukis dengan skala 1:20 – 1:75 dan menggunakan ukuran dalam unit mm / m

#### 4.6 Pelan Butiran Terperinci Kaedah Penanaman (*'Planting method'* / *'Planting detail'*)

- 4.6.1 Lukisan perincian yang menunjukkan kaedah – kaedah bagaimana kerja-kerja penanaman hendak dilakukan bagi setiap kategori tanaman yang dicadangkan.
- 4.6.2 Dilukis mengikut skala 1:20 – 1:50 dan menggunakan ukuran unit metrik (mm / m).

#### 4.7 Pelan Terperinci Kawasan Lapang / Pelan Pembesaran Kawasan Lapang.

- 4.7.1 Lukisan terperinci yang menunjukkan komponen peralatan permainan kanak-kanak dan menggunakan skala yang bersesuaian dan jelas.
- 4.7.2 Pemohon dikehendaki menyatakan:-
- a) Jenama alatan yang dicadangkan.
  - b) Nama pembekal
  - c) Alamat pembekal
  - d) Brochure jenis alat permainan.
  - e) Warranty letter daripada pembekal
  - f) Komponen peralatan permainan perlu kuat, praktikal dan selamat digunakan serta mendapat pengiktirafan SIRIM.

#### 4.8 Mewarna Pelan

Semua pelan-pelan landskap yang dikemukakan perlu diwarna dengan jelas mengikut kegunaan yang ditentukan

- 4.8.1 Menggunakan skala yang bersesuaian dan jelas.

BIL	JENIS KEGUNAAN	WARNA
1.	Spesis pokok	Hijau / warna yang lain yang bersesuaian
2.	Parking / Jalan raya	Kuning
3.	Siarkaki / Pavement	Merah



4.	Bangunan Kekal	Merah Jambu
5.	Kawasan Berair / lombong / Kolam air	Biru
6.	Komponen alat permainan kanak-kanak/ alat kesihatan / komponen landskap kejur	Coklat
7.	Wakaf	Coklat
8.	Gelanggang riadah	Oren / Jingga
9.	Padang / Kawasan lapang / bahu jalan	Hijau muda

4.9 Kedudukan laluan paip bekalan air, telefon, elektrik, pili bomba perlulah dinyatakan dalam pelan.

4.10 Kedudukan longkang mestilah ditunjukkan:

- Open drain
- Mansoon drain
- Culvert

4.11 Longkang

Longkang disekeliling kawasan lapang yang melebihi ukuran 2 kaki lebar dan ukuran dalam melebihi 1 kaki mestilah dipasang dengan 'concrete slab' atau 'drain grating' di atas permukaan longkang atau bahan yang diluluskan oleh pihak Majlis.

4.12 Tapak Cadangan Surau, Tadika, Balai Raya Dan Lain-Lain

Tapak-tapak untuk cadangan Surau, Tadika, Balairaya dan lain-lain hendaklah ditimbus diratakan dan ditanam dengan rumput Axonopus Compresus (Cow Grass). Di Kawasan hendaklah diselenggara oleh pemaju hingga pembangunan berkenaan telah dilaksanakan dengan sempurna dan diambil alih oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

4.13 Loji Najis, Bangunan Tnb Dan Tangki Air

Kedudukan atau tapak loji najis, bangunan TNB, tangki air dan lain-lain struktur hendaklah ditunjukkan dalam pelan.

**5.0 KATEGORI KEPERLUAN KAWASAN LAPANG MENGIKUT KELUASAN**

5.1 Berdasarkan Garis Panduan JPBD, kawasan tanah lapang dan taman rekreasi dibahagikan kepada kawasan berikut:-

- 5.1.1 Lot permainan : keluasan min 0.2 hektar (0.4942 ekar)
- 5.1.2 Padang Permainan : keluasan min 0.6 hektar (1.4826 ekar)
- 5.1.3 Padang Kejiranan : keluasan min 2 hektar (4.9421 ekar)
- 5.1.4 Taman Tempatan : Keluasan min 8 hektar (19.7684 ekar)
- 5.1.5 Taman Bandaran : Keluasan min 40 hektar (98.8422 ekar)
- 5.1.6 Taman Wilayah : Keluasan min 100 hektar (247.1054 ekar)
- 5.1.7 Taman Nasional : Tiada had.

5.2 Keperluan perabot-perabot taman di dalam kawasan lapang.

LUAS KAWASAN LAPANG / PERMAINAN	CIRI-CIRI KEPERLUAN LANDSKAP KEJUR
<b>Kurang 0.25 ekar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Ukuran / keluasan perlu di nyatakan di dalam pelan yang dikemukakan.</li> <li>b) 1 set alat permainan bersepadu yang mempunyai sekurang-kurangnya 8 tiang penyokong utama atau lebih (piawaian MDSB)</li> <li>c) 4 bangku tempat duduk (piawaian MDSB)</li> <li>d) 4 Tong sampah (piawaian MDSB)</li> <li>e) 2 unit jongkang jongkit (piawaian MDSB)</li> <li>f) 1 unit buaian dengan 2 tempat duduk (Piawaian MDSB)</li> <li>g) Papan tanda amaran (piawaian MDSB)</li> <li>h) Elemen yang dinyatakan hendaklah di letakkan 'rubber mat' seperti di bawah gelungsur dan lain-lain tempat yang perlu.</li> </ul>
<b>0.25 – 0.50 ekar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Ukuran / keluasan perlu di nyatakan di dalam pelan yang dikemukakan</li> <li>b) 1 set alat permainan bersepadu yang mempunyai sekurang-kurangnya 12 tiang penyokong utama atau lebih (piawaian MDSB)</li> <li>c) 4 bangku tempat duduk (piawaian MDSB).</li> <li>d) 4 Tong sampah (piawaian MDSB)</li> <li>e) 2 unit jongkang jongkit (piawaian MDSB)</li> <li>f) 1 unit buaian dengan 4 tempat duduk atau 2 unit buaian dengan 2 tempat duduk setiap satu (Piawaian MDSB)</li> <li>g) 1 gelanggang badminton atau sepak takraw (dwi permainan). Pelan terperinci diperlukan.</li> <li>h) Papan tanda amaran (piawaian MDSB)</li> <li>a) Lorong pejalan kaki / jogging trek disediakan di sekeliling padang.</li> <li>i) Elemen yang dinyatakan hendaklah diletakkan 'rubber mat' seperti dibawah gelungsur dan lain-lain tempat yang perlu.</li> </ul>

<p><b>0.50 – 1.00 ekar</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>b) Ukuran / keluasan perlu di nyatakan di dalam pelan yang dikemukakan</li> <li>c) 1 set alat permainan bersepadu yang mempunyai sekurang-kurangnya 14 tiang penyokong utama atau lebih (piawaian MDSB)</li> <li>d) 6 bangku tempat duduk (piawaian MDSB).</li> <li>e) 6 Tong sampah (piawaian MDSB)</li> <li>f) 2 unit jongkang jongkit (piawaian MDSB)</li> <li>g) 2 unit buaian dengan 4 tempat duduk setiap satu (Piawaian MDSB)</li> <li>h) 1 Gelanggang badminton atau Sepak Takraw (dwi permainan). Pelan terperinci di perlukan.</li> <li>i) 1 Gelanggang Bola Tampar atau Bola Keranjang. Pelan terperinci diperlukan.</li> <li>j) Lorong pejalan kaki / jogging trek disediakan di sekeliling padang.</li> <li>k) Elemen yang dinyatakan hendaklah diletakkan 'rubber mat' seperti di bawah gelungsur dan lain-lain tempat yang perlu.</li> </ul>
<p><b>Padang bola sepak</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Ukuran / keluasan padang bola perlu dinyatakan.</li> <li>a) Menyediakan pagar pengadang keselamatan dibelakang tiang gol. Pelan terperinci diperlukan.</li> <li>b) Tiang gol perlu disediakan. Pelan terperinci diperlukan.</li> <li>c) Lorong pejalan kaki /jogging trek disediakan di sekeliling padang.</li> <li>d) 'subsoil drainage' perlu disediakan</li> <li>e) Lain-lain perkara yang diperlukan oleh MDSB.</li> </ul>